

MIMBAR DARUL TAFSIR



PENULIS ARTIKEL

Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan

| Research Fellow | S. Rajaratnam School of International Studies | Nanyang Technological University |

EDISI

#1 Halal dan Tayyib (baik) dalam Pemakanan

#2 Surah Yassin 13 -30

#3 Berlaku adil kepada semua



BERLAKU
ADIL
KEPADA SEMUA



❁ وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ



**“Dan di antara Ahli Kitab,
ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun,
dia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu,
dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun,
dia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya.
Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan:
Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang Ummi dan
mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah
sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).”
(Al Imran: 75)**

PELAJARAN

Ayat ini diturunkan kerana insiden perselisihan antara seorang sahabat Nabi s.a.w dengan orang Yahudi yang gagal menunaikan perjanjian urusan antara mereka. Sahabat itu mengadu kepada Nabi s.a.w sikap lelaki Yahudi itu, tapi beliau tiada bukti. Nabi s.a.w memerintahkan Yahudi itu bersumpah, lalu membebaskan dia dari tuduhan.

Ayat ini mengajar akan perlu memenuhi proses yang betul dan ikut undang-undang (rule of law) untuk mencapai keadilan, walaupun jika berpihak kepada bukan Muslim atau individu yang jahat dan menipu.



Islam anjurkan hak dan keadilan ditunaikan tanpa kira agama.

Setelah melalui proses yang betul dan mengikut undang-undang, seseorang tetap perlu ditunaikan haknya, walaupun pada hakikatnya dia berbohong.



Tidak boleh ambil harta/hak bukan Muslim tanpa cara yang betul, walaupun dalam situasi perang (lihat Al-Maidah:2 dan 8).


Status seseorang sebagai bukan Muslim bukan alasan bagi melakukan diskriminasi dan bersikap berpihak kepada Muslim sahaja.

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).
(Surah Al-Maidah : 2)

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.


(Surah Al-Maidah : 8)





Keindahan Islam dilihat dan diingati selalu melalui kisah-kisah seperti ini, bukan melalui tipu helah yang licik.

Salahudin Al-Ayyubi yang menakluk kembali Baitul Maqdis dari tentera Salib diingati kerana sikap pemaaf beliau terhadap orang-orang Kristian yang dikalahkan, bukan sebagai pembantai mereka.



Islam amat mengambil berat sifat amanah dan menunaikan janji. Ia adalah tanda kesempurnaan iman.

Hal ini seharusnya menjadi dasar profesionalisme dan khidmat cemerlang seorang Muslim apabila menunaikan tanggungjawab, baik kepada keluarga, majikan atau dalam urusan dakwah.

*Namun, menunaikan janji kepada Allah taala lebih utama, iaitu janji di alam ruh untuk berubudiyah kepada Allah taala.
(lihat Al-A`raf: 172-3)*

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Atau supaya kamu tidak mengatakan:" Sesungguhnya ibu bapa kamilah yang melakukan syirik dahulu sedang kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka. Oleh itu, patutkah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak membinasakan kami disebabkan perbuatan orang-orang yang sesat itu?"

Surah Al-A'raf 172-173



Perhatikan bahawa ayat ini membezakan satu jenis Yahudi dari yang lain. Oleh itu, jangan berprejudis dan melakukan generalisasi yang salah. Ini juga mengajar bahawa hukum hendaklah diberi sesuai dengan keadaan dan perkara yang dihadapi. Ini juga menjadi dasar bahawa Al-Quran akur pendekatan yang membeza-beza (*differentiated approach*) dalam menilai sesuatu perkara.

Harap artikel ini bermanfaat bagi anda.
Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalas budi anda dengan kebaikan setimpal!

